

**KENYATAAN YANG DIPERTUA  
MAJLIS PERBANDARAN SEBERANG PERAI  
MESYUARAT MAJLIS PENUH  
30 MAC 2012**

---

**1. AL-FATIHAH BUAT ALLAHYARHAM ENCIK BAKHTIAR APPANDI  
BIN YAHAYA, AHLI MAJLIS MPSP**

Dukacita dimaklumkan bahawa, Encik Bahktiar Appandi bin Yahya, Ahli Majlis MPSP telah kembali ke rahmatullah pada 29 Mac 2012 (Khamis). Semoga Allah mencucuri rahmat-Nya ke atas roh Allahyarham. Ucapan takziah dari saya mewakili MPSP buat semua ahli keluarga beliau, semoga mereka tabah dengan dugaan Allah ini.

**2. PENARAFAN 4 BINTANG BAGI SISTEM STAR RATING (SSR-PBT)**

Sukacita di sini, saya memaklumkan bahawa MPSP telah berjaya mendapat penarafan 4 Bintang bagi Sistem Star Rating (SSR-PBT). Yang Berhormat Menteri Perumahan & Kerajaan Tempatan telah menganugerahkan Sijil tersebut pada 26 Mac 2012 di Kuching, Sarawak. Hanya 15 Majlis Perbandaran dan 6 Majlis Bandaraya daripada 94 Pihak Berkuasa Tempatan yang dinilai bagi Tahun 2010 / 2011 mendapat penarafan 4 Bintang. Justeru itu, saya ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada usaha semua warga kerja MPSP dan juga sokongan Ahli Majlis MPSP di atas kejayaan ini.

### **3. PENCAPAIAN PRESTASI KEWANGAN MAJLIS BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2011**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa MPSP pada tahun 2011 telah mengakhiri penutupan akaunnya dengan mencatat lebihan kewangan sebanyak RM13.59 juta. Ini adalah kali keempat berturut-turut MPSP mencatatkan lebihan kewangan. Pada tahun 2008 MPSP mencatatkan lebihan sebanyak RM3.02 juta, 2009 (RM14.57 juta), 2010 (RM23.04 juta) dan pada tahun 2011 sebanyak RM13.59 juta. Lebihan pendapatan ini didorong oleh peningkatan hasil sebanyak 3.56% iaitu sebanyak RM173.65 juta pada tahun 2011 berbanding pada tahun 2010. Ringkasan lebihan pendapatan adalah seperti berikut :

<b>Keterangan</b>	<b>2011 RM Juta</b>	<b>2010 RM Juta</b>
Hasil	173.65	167.67
Perbelanjaan	160.06	144.63
<b>(Defisit)/Lebihan</b>	<b>13.59</b>	<b>23.04</b>

Peningkatan ini adalah melibatkan hasil cukai yang meningkat sebanyak 2.50% dan hasil bukan cukai meningkat sebanyak 22.13%. Kedudukan hasil Majlis adalah seperti berikut :

<b>Keterangan</b>	<b>2011 RM Juta</b>	<b>2010 RM Juta</b>
Hasil Cukai	126.98	123.88
Hasil Bukan Cukai	38.29	31.35

Majlis juga mencatat perbelanjaan sebanyak RM160.06 juta meningkat 10.66% berbanding tahun sebelumnya. Peningkatan perbelanjaan ini adalah pada kadar yang terkawal. Ini adalah disebabkan tambahan program dan aktiviti-aktiviti Majlis dan kenaikan biasa kos-kos penyelenggaraan di kawasan Seberang Perai. Dengan keutamaan perbelanjaan yang telah dirancang, MPSP dapat mengawal perbelanjaan supaya tidak melebihi daripada kedudukan kewangan semasa. Butiran perbelanjaan adalah seperti berikut :

<b>Perbelanjaan Mengikut Item</b>	<b>2011 (RM Juta)</b>	<b>2010 (RM Juta)</b>
Emolumen	55.55	51.56
Perkhidmatan dan Bekalan	81.90	77.56
Perbelanjaan Pembangunan & Harta Modal	1.79	0.40
Pemberian dan Kenaan Bayaran	2.18	3.01
Perbelanjaan Lain	18.64	12.10
<b>Jumlah :</b>	<b>160.06</b>	<b>144.63</b>

Dengan pencapaian ini MPSP telah mencatat lebihan kewangan terkumpul sehingga akhir 2011 sebanyak RM79.16 juta berbanding tahun 2010 iaitu RM66.67 juta dengan peningkatan sebanyak 18.73%.

Tunggakan cukai taksiran terkumpul juga mencatatkan penurunan sebanyak 19.47% iaitu RM34.32 juta pada tahun 2011 berbanding RM42.62 juta pada tahun 2010. Pada tahun 2011, MPSP telah mengutip tunggakan sebanyak RM13.59 juta iaitu 99.30% daripada sasaran yang telah ditetapkan. Prestasi ini adalah disebabkan oleh program-program kesedaran mengenai cukai taksiran, tindakan penguatkuasaan dan hasil daripada klinik-klinik pembayar cukai yang telah dilaksanakan melalui inisiatif pasukan ‘*Task Force*’ tunggakan hasil MPSP. Kedudukan wang tunai Majlis juga mencatatkan pertumbuhan sebanyak 30.74% pada akhir tahun 2011.

Dengan pencapaian kewangan yang memberansangkan pada penutupan akaun 2011 ini, MPSP akan terus merancang untuk kesejahteraan dan kemakmuran Seberang Perai selaras dengan fokus MPSP pada tahun ini iaitu ‘*Sustainability Is Our Commitment*’. Semoga MPSP akan dapat terus meningkatkan prestasi kewangan dan seterusnya memberi perkhidmatan yang terbaik kepada warga Seberang Perai.

#### **4. PONDOK BAS-PONDOK BAS MPSP UNTUK DISEWAKAN BAGI TUJUAN PENGIKLANAN**

Sukacita di sini saya memaklumkan bahawa pondok bas-pondok bas MPSP dibuka untuk sewaan bagi tujuan pengiklanan. Secara keseluruhannya, terdapat 864 buah pondok bas-pondok bas milik MPSP di seluruh Seberang Perai.

MPSP telah menetapkan dua opsyen penyewaan iaitu;

**Opsyen penyewaan yang pertama ialah ;**

menyewa pondok bas-pondok bas MPSP sediada bagi memasang iklan. Syarat-syarat sewaan yang utama ialah:-

- (i) Kadar sewaan bagi sebuah pondok bas ialah RM100 sebulan;
- (ii) Tempoh sewaan adalah selama 3 tahun;

**Sementara opsyen penyewaan yang kedua ialah ;**

merobohkan pondok bas sediada dan membina pondok bas baru serta memasang iklan pada pondok bas tersebut. Syarat-syarat sewaan yang utama ialah :-

- (i) Tiada bayaran sewa bulanan dikenakan sebaliknya penyewa hendaklah menjelaskan caj bayaran lesen iklan secara tahunan yang kadarnya akan ditentukan oleh Jabatan Pelesenan MPSP bergantung kepada saiz iklan;
- (ii) Tempoh sewaan secara keseluruhannya ialah 10 tahun

Pihak-pihak yang berminat bolehlah mendapatkan keterangan lanjut dan boleh membuat permohonan secara bertulis ke alamat:-

Pengarah Penilaian & Pengurusan Harta  
Majlis Perbandaran Seberang Perai  
Jalan Perda Utama, Bandar Perda  
14000 Bukit Mertajam  
Tel : 04 - 5497 493 / 512

**5. PELANCARAN ZERO WASTE SEKOLAH JENIS KEBANGSAAN (C) TRUE LIGHT**

Sukacita dimaklumkan bahawa Pelancaran Sisa Sifar (Zero Waste) Sekolah Kebangsaan (C) True Light, Kampong Juru akan diadakan pada 31 Mac 2012 (Sabtu), jam 9:30 pagi bertempat di Sekolah Jenis Kebangsaan (C) True Light, Kampong Juru. Sehubungan dengan itu, saya dengan sukacitanya menjemput tuan / puan yang berada di sini untuk hadir bersama-sama ke program tersebut.

Sebagai makluman Sekolah Kebangsaan (C) True Light, Kampong Juru adalah merupakan sekolah kedua yang melancarkan Program Zero Waste selepas Sekolah Kebangsaan To' Kandu.

**6. 11 APRIL 2012 HARI PERTABALAN YANG DIPERTUAN AGONG SEBAGAI HARI KELEPASAN AM**

Dimaklumkan, hari pertabalan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah pada 11 April 2012 (Rabu) diisytharkan sebagai hari kelepasan am tambahan bagi seluruh negara.

Pengisytiharan hari kelepasan am itu dibuat berdasarkan Seksyen 8, Akta Hari Kelepasan Am 1951 (Akta 369) bagi Semenanjung Malaysia dan Wilayah Persekutuan Labuan.

**7. UCAPAN TAHNIAH KEPADA ENCIK STEVEN SIM CHEE KEONG, AHLI MAJLIS MPSP**

Kesempatan ini juga, saya mengucapkan tahniah kepada Encik Steven Sim Chee Keong, Ahli Majlis MPSP kerana telah berjaya terpilih sebagai *Young Global Leader* oleh *World Economic Forum* (WEF) yang telah dumumkan pada 6 Mac 2012 lalu. Pemilihan Encik Steven Sim Chee Keong daripada ribuan peserta lain melibatkan 59 buah negara pada tahun ini, adalah kerana kepimpinan, pelaksanaan dan komitmen yang cemerlang beliau sumbangkan kepada masyarakat.

Sekali lagi, tahniah diucapkan kepada Encik Steven Sim Chee Keong.

**8. SENAMROBIK BERSAMA MPSP**

Sukacita di sini, saya ingin memaklumkan bahawa program Senamrobik Bersama MPSP akan diadakan pada 15 April 2012 (Ahad) bertempat di Taman Tugu Kota Demokrasi Bagan, Mak Mandin, jam 7:45 pagi.

Justeru, saya menjemput semua yang berada di sini dan juga seluruh Warga Seberang Perai untuk turut bersama-sama MPSP, menjaga kesihatan disamping mengeratkan lagi hubungan antara MPSP dan

orang ramai. Sebagai makluman, MPSP juga turut menyediakan Kaunter Bergerak dan Pemeriksaan Kesihatan percuma pada hari tersebut.

## **9. KEMPEN *EARTH HOUR* 2012**

Dimaklumkan Majlis Kerajaan Negeri Pulau Pinang telah memutuskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang akan menyertai *Earth Hour* 2012 yang akan diadakan pada 31 Mac 2012 (Sabtu). *Earth Hour* adalah merupakan acara tahunan yang diadakan oleh Tabung Alam Sedunia WWF, disambut pada hari Sabtu terakhir pada bulan Mac, yang mahukan kediaman, pejabat dan premis perniagaan untuk mematikan lampu dan peralatan elektrik yang tidak digunakan selama satu jam. Sebagai makluman, penyertaan di dalam *Earth Hour* ini adalah sebagai usaha untuk menjimatkan tenaga di seluruh dunia pada 31 Mac 2012.

Sehubungan dengan itu, kerjasama tuan / puan untuk memadamkan lampu-lampu exterior (luar bangunan ataupun lampu perhiasan) **dan bukannya menutup lampu keseluruhan bangunan (*blackout*) sepenuhnya** di premis masing-masing **pada 31 Mac 2012 (Sabtu) mulai jam 8:30 malam hingga 9:30 malam.**

Pihak tuan / puan juga adalah dipohon untuk mengambil langkah-langkah keselamatan bagi menjamin keselamatan awam di kawasan bangunan tuan / puan semasa pemadaman lampu di lakukan.

Kerjasama yang diberikan di dalam menjayakan penyertaan Negeri Pulau Pinang di dalam *Earth Hour* ini, didahului dengan ucapan terima kasih.

**SEKIAN, TERIMA KASIH.**